

# Denggi: Usah hanya tuding jari

Sinar harian 29/07/2010 M/S 525

## TAMAN BANGI PERMAI

Sikap menuding jari dan menyalahkan pihak lain tidak akan mampu menyelesaikan masalah denggi yang berpunca dari keadaan persekitaran kotor dan terabai hingga ia dijadikan tempat pembiakan Aedes.

Persepsi segelintir masyarakat yang menyalahkan pihak bertanggungjawab tanpa mengambil peranan yang wajar sepatutnya berlaku kerana usaha membanteras penyakit denggi perlulah kerjasama erat semua pihak.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Bangi Permai M Mahendren berkata, sikap menyalahkan pihak lain di kawasan perumahan perlu diubah dalam usaha kita membanteras masalah denggi.

"Mengapa kita selalu menyalahkan pihak lain sekiranya sesuatu masalah berlaku tanpa kita sedari sepatutnya kita sendiri yang berganding bahu bersama masyarakat menjayakan program kemasyarakatan.

"Kita selalu menyalahkan pihak bertanggungjawab berkaitan denggi dengan membuat andaian kurangnya tindakan segera, tetapi kita sendiri tidak membantu menyelesaikan masalah hingga dengan hanya berpeluk tubuh sahaja.

"Persekitaran yang kotor dan sikap tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat dengan membiarkan kawasan perumahan dipenuhi sampah sarap dan timbunan tayar serta tin kosong adalah antara punca berlakunya pembiakan

Aedes," katanya pada majlis Program Gotong-Royong Muafakat Hapus Denggi anjuran KRT Taman Bangi Permai di Padang Taman Bangi Permai, semalam.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Pengarah Pembangunan Komuniti JPNIN, G Letchumanan dan dihadiri Timbalan Ketua Bahagian UMNO Serdang Mejar (B) Abdul Rahim Mohd Amin yang mewakili Ketua Bahagian UMNO, Datuk Mohd Fathil Daud; Pegawai Perpaduan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) Hulu Langat, Ahmad Razi Ariff dan pemimpin setempat.

Menurutnya, adalah wajar setiap individu memainkan peranan dengan menyertai program gotong-royong

dan kemasyarakatan yang diadakan bagi memastikan kawasan perumahan yang didiami selamat dan harmoni.

Katanya, sebagai contoh jika tempat itu memberi risiko tinggi untuk menjadi tempat pembiakan nyamuk, seharusnya ia dibersihkan segera melalui aktiviti gotong-royong atau sebaliknya tanpa perlu menunggu pihak berkuasa bertindak.

"Inilah peranan sebenar yang perlu dimainkan oleh semua anggota masyarakat setempat dari masa ke semasa dengan berganding bahu serta menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang diadakan

"Kita yakin program seumpama ini dapat membantu kita mengatasi masalah denggi," katanya.



■ Mahendren (kiri) menyerahkan cenderamata kepada Letchumanan yang mewakili Ketua Pengarah JPNIN, Datuk Azman Amin Hasaan.